

## BAB 4

### ANALISIS DATA

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini melaporkan dapatan kajian berdasarkan keputusan ujian dan tindak balas yang diberikan oleh responden-responden terhadap soal selidik yang dijalankan. Kajian ini telah dianalisis dengan menggunakan sistem *Statistical Package for Social Science (SPSS)*, versi 12.0. Semua keputusan yang diperolehi dibentang dalam bentuk jadual, carta pai dan graf. Hasil dapatan kajian yang dikemukakan dalam bab ini adalah untuk menghuraikan jawapan kepada persoalan kajian iaitu kesan penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar (BBM) dalam pembelajaran bahasa Arab. Untuk menjawab persoalan kajian tersebut, pengkaji telah menggunakan statistik deskriptif bagi menjawab soalan kajian 1 dan 2 untuk menjelaskan latarbelakang responden, soal selidik berkenaan dengan minat, masalah dan kesan penggunaan animasi. Analisa data dari borang soal selidik dilakukan menerusi proses taburan *frekuensi* iaitu untuk menunjukkan kekerapan dan peratus. Bagi menjawab soalan kajian 3, pengkaji menggunakan statistik inferensi iaitu ujian taburan t (t-test) untuk melihat perbezaan pencapaian pelajar mengikut kaedah yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Selain itu, analisa soal selidik dan temu bual juga dilakukan sebagai sokongan terhadap dapatan kajian.


#### 4.1 Analisis latar belakang responden

Jadual di bawah menunjukkan analisis latar belakang responden secara peratusan dan kekerapan berdasarkan item 1 hingga 5 dalam borang soal selidik.

**Jadual 4.1: Latar belakang responden**

Bil	Kategori	Kumpulan Kawalan		Kumpulan Rawatan	
		Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
1.	Jantina				
	1.1 Lelaki	7	35%	4	20%
	1.2 Perempuan	13	65%	16	80%
2.	Umur				
	2.1 18 tahun dan ke bawah	20	100%	19	95%
	2.2 19 tahun	-	-	1	5%
3.	Bidang Pengajian				
	3.1 HRM	-	-	10	50%
	3.2 DTMM	9	45%	-	-
	3.3 DTM	11	55%	-	-
	3.4 Lain-lain	-	-	10	50%
4.	Pengalaman mempelajari bahasa Arab				
	4.1 Sekolah Rendah	8	40%	9	45%
	4.2 PMR	-	-	2	10%
	4.3 SPM	-	-	1	5%
	4.4 Tidak pernah	12	60%	8	40%
5.	Tujuan mempelajari bahasa Arab				
	5.1 Minat	14	70%	16	80%
	5.2 Kursus wajib universiti	3	15%	3	15%
	5.3 Suka-suka	2	10%	1	5%
	5.4 Lain-lain	1	5%	-	-


#### 4.1.1 Analisis jantina responden



**Rajah 4.1: Jantina responden**

Kajian ini melibatkan 40 orang responden yang terdiri daripada 35% (7 orang) responden lelaki dari kumpulan kawalan dan 20% (4 orang) responden lelaki dari kumpulan rawatan. Bagi responden perempuan pula, seramai 65% (13 orang) dari kumpulan kawalan dan 80% (16 orang) dari kumpulan rawatan. Daripada perangkaan ini, kita dapat membuat gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Hal ini kerana jumlah pelajar memang tidak seimbang antara jantina. Agak sukar untuk mendapatkan responden yang betul-betul sama dari segi bilangan mengikut jantina.


#### 4.1.2 Analisis umur responden



**Rajah 4.2: Umur responden**

Rajah 4.2 menunjukkan umur responden. Umur responden adalah antara 18 hingga 20 tahun ke atas dan dibahagikan mengikut tiga peringkat umur. Lingkungan pertama adalah daripada mereka yang berumur antara 18 tahun dan ke bawah yang terdiri daripada 100% (20 orang) bagi kumpulan kawalan dan 95% (19 orang) bagi kumpulan rawatan. Peringkat kedua pula adalah daripada golongan mereka yang berumur 19 tahun iaitu terdiri daripada 5% (1 orang) responden bagi kumpulan rawatan, manakala peringkat 20 tahun dan ke atas tidak ada.


### 4.1.3 Analisis bidang pengajian responden



**Rajah 4.3: Bidang pengajian responden**

Rajah 4.3 menunjukkan bidang pengajian responden. Bagi responden kumpulan kawalan, seramai 9 orang (45%) adalah dari Diploma Teknologi Maklumat (Multimedia) iaitu (DTMM) dan baki 11 orang (55%) adalah dari Diploma Teknologi Maklumat (DTM). Manakala bagi responden kumpulan rawatan pula mereka adalah responden yang mengikuti kursus Diploma Pengurusan Sumber Manusia (HRM) iaitu seramai 10 orang (50%) dan responden yang terdiri dari kursus lain iaitu kursus Diploma Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan juga terdiri dari 10 orang (50%).

#### 4.1.4 Analisis pengalaman responden mempelajari bahasa Arab




**Rajah 4.4: Pengalaman responden mempelajari bahasa Arab**

Hasil soal selidik menunjukkan pengalaman responden bagi kumpulan kawalan mempelajari bahasa Arab hanya 8 orang (40%) iaitu pada peringkat sekolah rendah dan baki selebihnya iaitu 12 orang (60%) adalah tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini. Bagi kumpulan rawatan pula, majoriti responden pernah mempelajari bahasa Arab semenjak di peringkat sekolah rendah iaitu seramai 9 orang (45%) manakala seramai 8 orang (40%) tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum ini. Sementara itu, sebanyak 2 orang 10% mempelajari bahasa Arab peringkat PMR dan hanya 1 orang (5%) pernah mempelajari bahasa Arab peringkat SPM sebelum ini. Hasil daripada analisis yang didapati ini, responden yang pernah mempelajari bahasa Arab di peringkat sekolah rendah adalah golongan yang paling ramai. Walaupun begitu, pengetahuan mereka tentang pelajaran bahasa Arab amat tidak memuaskan.

Kebanyakan responden yang pernah mempelajari bahasa Arab mengakui mereka tidak tahu pelajaran bahasa Arab walaupun pernah mempelajarinya suatu ketika dahulu.

#### 4.1.5 Analisis tujuan responden mempelajari bahasa Arab



**Rajah 4.5: Tujuan responden mempelajari bahasa Arab**

Manakala dalam rajah 4.5, dari segi tujuan mempelajari bahasa Arab pula didapati minat adalah tujuan yang paling utama responden dari kedua-dua kumpulan mempelajari bahasa Arab iaitu 70% (14 orang) dari kumpulan kawalan dan 80% (16 orang) dari kumpulan rawatan. Berdasarkan rajah di atas didapati peratus dan kekerapan bagi tujuan responden mempelajari bahasa Arab antara kedua-dua kumpulan tersebut adalah sama iaitu 15% (3 orang). Manakala golongan yang hanya suka-suka mempelajari bahasa Arab adalah sebanyak 10%

(2 orang) bagi kumpulan kawalan dan 5% (1 orang) sahaja dari kumpulan rawatan. Sebanyak 5% (1 orang) dari kumpulan kawalan mempelajari bahasa Arab disebabkan untuk mempelajari al-Quran. Golongan yang mempelajari bahasa Arab kerana minat adalah kebanyakan mereka sedar akan kepentingan dan kelebihan mempelajari bahasa Arab di samping untuk memahami al-Quran dan as-Sunnah. Mereka juga menunjukkan kesungguhan dan minat dalam mendalami bahasa al-Quran ini sepanjang proses pembelajaran.

#### **4.2 Analisis minat pelajar terhadap penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa Arab.**

Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengutarakan 10 pernyataan kepada responden berkenaan sebab-sebab pelajar berminat dengan penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatannya dapat dirumuskan sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.2 di bawah.

**Jadual 4.2: Minat pelajar terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab.**

Bil	Item	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1.	Animasi dalam p&p memberikan hasil yang lebih baik	-	-	10% (2)	40% (8)	50% (10)	4.4	Positif
2.	Animasi membantu pelajar meningkatkan kemahiran	-	-	15% (3)	45% (9)	40% (8)	4.25	Positif
3.	Animasi membantu pelajar mengingati apa yang diajar	-	-	10% (2)	45% (9)	45% (9)	4.35	Positif




**Jadual 4.2: Sambungan**

4.	Animasi membantu pelajar memahami pengajaran dengan cepat	-	-	15% (3)	50% (10)	35% (7)	4.2	Positif
5.	Animasi membantu pelajar lebih memberi perhatian semasa belajar	-	-	10% (2)	35% (7)	55% (11)	4.45	Positif
6.	Animasi mendatangkan keseronokan kepada pelajar untuk belajar	-	-	5% (1)	40% (8)	55% (11)	4.5	Positif
7.	Animasi menjadikan pelajar lebih bersemangat mengikuti pembelajaran	-	-	10% (2)	55% (11)	35% (7)	4.25	Positif
8.	Animasi dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria	-	-	5% (1)	30% (6)	65% (13)	4.6	Positif
9.	Animasi membantu pelajar mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian	-	-	25% (5)	35% (7)	40% (8)	4.15	Positif
10.	Animasi menjadikan pengajaran guru teratur dan terancang	-	-	10% (2)	55% (11)	35% (7)	4.25	Positif

Jadual 4.2 menunjukkan keputusan analisis tentang minat pelajar terhadap penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa Arab. Sebanyak 10 pernyataan telah digariskan berkaitan dengan faktor-faktor yang menarik minat pelajar terhadap bahan bantu animasi. Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada jadual 4.2 di atas, responden memberikan jawapan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (tidak pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju).

Pengkaji akan menganalisis 10 item tersebut satu persatu dan dipersembahkan dalam bentuk graf.

#### 4.2.1 Analisis penggunaan buku menarik minat pelajar




**Rajah 4.6: Penggunaan buku menarik minat pelajar**

Dalam rajah 4.6, menunjukkan bahawa 25% (5 orang) responden sangat tidak bersetuju penggunaan buku dapat menarik minat pelajar mempelajari bahasa Arab dan sebanyak 20% (4 orang) responden juga tidak bersetuju dengan pandangan tersebut. Dalam pada itu 25% (5 orang) responden tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Namun begitu sebanyak 20% (4 orang) responden bersetuju penggunaan buku dapat menarik minat pelajar. Namun hanya segelintir responden sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut iaitu seramai 10% (2 orang). Hasil temu bual terhadap sebilangan kecil responden menyatakan penggunaan buku semata-mata dalam pembelajaran akan mendatangkan kebosanan dalam kalangan pelajar. Pelajar perlukan satu pengalaman yang baru dalam kehidupan mereka dan

sedikit sebanyak dapat memotivasikan diri mereka untuk meminati pembelajaran bahasa Arab yang selalu dianggap susah dan membosankan.


#### 4.2.2 Analisis suka p&p bahasa Arab menggunakan animasi



**Rajah 4.7: Suka p&p bahasa Arab menggunakan animasi**

Berdasarkan rajah 4.7, kesemua responden bersetuju penggunaan perisian animasi dalam p&p bahasa Arab iaitu seramai 65% (13 orang) sangat menyukai p&p bahasa Arab menggunakan animasi, manakala 35% (7 orang) menyukai p&p bahasa Arab menggunakan animasi. Ini kerana penggunaan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab adalah satu yang baru bagi mereka. Hasil dapatan tersebut didapati tidak ada seorang pun responden yang tidak bersetuju penggunaan animasi dalam p&p bahasa Arab.


### 4.2.3 Analisis animasi bersesuaian dengan bahan pembelajaran



**Rajah 4.8: Animasi bersesuaian dengan bahan pembelajaran**

Dalam rajah 4.8, sebahagian dari responden iaitu seramai 50% (10 orang) bersetuju perisian animasi bersesuaian dengan bahan pembelajaran. Manakala 35% (7 orang) responden sangat bersetuju perisian animasi bersesuaian dengan pembelajaran bahasa Arab. Namun begitu, 15% (3 orang) dari kalangan responden memberikan jawapan tidak pasti.


#### 4.2.4 Analisis animasi meningkatkan minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab



**Rajah 4.9: Animasi meningkatkan minat terhadap subjek bahasa Arab**

Berdasarkan analisis dalam rajah 4.9, pilihan yang paling tinggi adalah sangat bersetuju animasi meningkatkan minat terhadap subjek bahasa Arab iaitu seramai 50% (10 orang). Manakala 35% (7 orang) responden hanya bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 15% (3 orang) dari kalangan responden tidak pasti animasi dapat meningkatkan minat terhadap subjek bahasa Arab atau sebaliknya. Hasil soal selidik ini menunjukkan bahawa tidak ada pelajar yang tidak bersetuju perisian animasi dapat meningkatkan minat pelajar terhadap subjek bahasa Arab.


#### 4.2.5 Analisis pembelajaran menggunakan bahan bantu animasi menarik



**Rajah 4.10: Pembelajaran animasi menarik**

Hasil daripada borang soal selidik dalam rajah 4.10, menunjukkan bahawa pembelajaran bahasa Arab menggunakan animasi mendapat respon yang baik daripada responden. Majoriti daripada responden 55% (11 orang) sangat bersetuju sesi pembelajaran menggunakan perisian animasi menarik. Ini mungkin disebabkan gambar, video, suara dan lagu yang sesuai dan menarik perhatian mereka. Sebanyak 40% (8 orang) daripada responden pula bersetuju dengan pernyataan tersebut dan hanya 5% (1 orang) tidak pasti sesi pembelajaran menggunakan bahan bantu animasi menarik.


#### 4.2.6 Analisis suka animasi kerana gambar yang menarik



**Rajah 4.11: Suka animasi kerana gambar yang menarik**

Dalam rajah 4.11, ramai kalangan responden sangat menyukai animasi iaitu 45% (9 orang) kerana gambar yang menarik. Manakala 40% (8 orang) dalam kalangan mereka bersetuju bahawa mereka menyukai animasi kerana gambar yang menarik. Hanya 15% (3 orang) sahaja yang tidak pasti dengan jawapan mereka. Apabila diperhatikan, tidak ada responden yang menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Ini menunjukkan respon positif dalam kalangan responden terhadap perisian animasi.

#### 4.2.7 Analisis suka animasi kerana video yang menarik




**Rajah 4.12: Suka animasi kerana video yang menarik**

Rajah 4.12 menunjukkan jumlah responden menyukai pembelajaran menggunakan bahan bantu animasi disebabkan video yang menarik. Hasil daripada analisis, didapati jumlah responden yang sangat bersetuju dan bersetuju bahawa mereka menyukai animasi kerana video menarik adalah sama iaitu 45% (9 orang). Manakala 10% (2 orang) sahaja daripada kalangan mereka yang tidak pasti.




#### 4.2.8 Analisis suka animasi kerana lagu yang sesuai



**Rajah 4.13: Suka animasi kerana lagu yang sesuai**

Daripada rajah 4.13 menunjukkan respon kepada sebab menyukai animasi kerana lagu yang sesuai. Hasil dapatan kajian menunjukkan 25% (5 orang) dari kalangan responden tidak pasti mereka menyukai animasi kerana lagu yang sesuai atau disebabkan faktor lain. Manakala 40% (8 orang) bersetuju bahawa mereka menyukai animasi kerana lagu yang sesuai dan seramai 35% (7 orang) daripada mereka amat bersetuju dengan pernyataan tersebut.


#### 4.2.9 Analisis animasi menguntungkan masa pelajar



**Rajah 4.14: Animasi menguntungkan masa pelajar**

Dalam rajah 4.14, sebahagian besar daripada responden kajian iaitu 90% (18 orang) memberikan jawapan bahawa animasi sangat menguntungkan dan menjimatkan masa pelajar. Walau bagaimanapun, 10% (2 orang) daripada mereka hanya bersetuju animasi menguntungkan masa pelajar. Tiada seorang pun responden yang menyatakan tidak bersetuju penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar dapat menguntungkan masa pelajar. Hasil temu bual beberapa orang responden juga menyokong akan hal ini. Mereka menyatakan bahawa pelajar mudah memahami teks melalui gerakan yang dipaparkan tanpa perlu mengambil masa yang lama untuk memahaminya.

#### 4.2.10 Analisis animasi memberi faedah kepada pelajar



**Rajah 4.15: Animasi memberi faedah kepada pelajar**

Manakala dari aspek memberi faedah kepada pelajar, rajah 4.15 menunjukkan majoriti responden iaitu 80% (16 orang) sangat bersetuju penggunaan animasi memberi faedah kepada mereka dan 20% (4 orang) selebihnya bersetuju animasi memberi faedah kepada pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab.

Secara keseluruhannya hasil daripada analisis minat responden terhadap penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab, didapati majoriti responden memberikan jawapan yang positif. Antara faktor yang terpenting mereka meminati penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab adalah kerana animasi menguntungkan dan menjimatkan masa pelajar dan juga faktor memberi banyak faedah kepada mereka. Apabila diperhatikan dua faktor ini, kesemua responden dengan yakin menyatakan pendapat mereka. Ini dapat dilihat dengan jelas hanya dua kelompok sahaja iaitu bersetuju dan sangat bersetuju.

Tidak ada yang menyatakan tidak pasti atau meragui pernyataan tersebut malah tidak ada juga yang menafikannya.

Di samping itu, hasil daripada data temu bual yang diadakan dengan beberapa orang responden dan guru menyokong tentang minat terhadap penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Apabila ditanyakan kepada kesemua responden ini tentang perkara tersebut, majoriti mengatakan animasi dapat menarik minat dan memudahkan pemahaman mereka terhadap pelajaran bahasa Arab. Ini mungkin disebabkan video, muzik latar belakang, gambar, suara yang menarik dan sesuai dan sebagainya.

#### **4.3 Analisis masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar semasa penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab.**


Dalam bahagian ini, pengkaji telah mengutarakan 9 pernyataan kepada responden berkenaan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar sepanjang penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Dapatannya dapat dirumuskan sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.3.

**Jadual 4.3: Masalah penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab.**

Bil	Pernyataan	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1.	Pelajar menghadapi masalah memahami pelajaran yang disampaikan dengan animasi	60% (12)	25% (5)	15% (3)	-	-	1.55	Negatif
2.	Animasi mengganggu tumpuan pelajar terhadap isi penting	45% (9)	30% (6)	20% (4)	5% (1)	-	1.85	Negatif
3.	Masa yang diperuntukkan tidak mencukupi	10% (2)	30% (6)	45% (9)	10% (2)	5% (1)	2.7	Negatif
4.	Tumpuan pelajar terganggu disebabkan video tidak menarik	65% (13)	30% (6)	5% (1)	-	-	1.4	Negatif
5.	Tumpuan pelajar terganggu disebabkan gambar tidak menarik	55% (11)	25% (5)	5% (1)	10% (2)	5% (1)	1.85	Negatif
6.	Tumpuan pelajar terganggu disebabkan suara tidak menarik	45% (9)	30% (6)	10% (2)	15% (3)	-	1.95	Negatif
7.	Tumpuan pelajar terganggu disebabkan muzik latarbelakang tidak menarik	45% (9)	35% (7)	15% (3)	5% (1)	-	1.8	Negatif
8.	Penerangan guru menggunakan animasi tidak jelas	60% (12)	30% (6)	10% (2)	-	-	1.5	Negatif
9.	Terdapat banyak gangguan teknikal sepanjang penggunaan animasi	30% (6)	60% (12)	10% (2)	-	-	1.8	Negatif

Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada jadual 4.3 di atas, responden memberikan jawapan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (tidak pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Jadual 4.3 menunjukkan keputusan analisis dari borang soal selidik yang diedarkan kepada responden tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka sepanjang penggunaan perisian animasi sebagai bahan bantu dalam pembelajaran bahasa Arab. Sebanyak 9 masalah telah diutarakan kepada responden. Pengkaji akan menganalisis masalah tersebut satu persatu dan dipersembahkan dalam bentuk carta pai.

#### **4.3.1 Analisis pelajar menghadapi masalah memahami pelajaran yang disampaikan dengan bahan bantu animasi.**




**Rajah 4.16: Masalah memahami pelajaran yang disampaikan dengan animasi**

Rajah 4.16 di atas menunjukkan majoriti responden iaitu 60% (12 orang) sangat tidak bersetuju animasi mendatangkan masalah kepada mereka untuk memahami pelajaran bahasa Arab. Manakala 25% (5 orang) tidak bersetuju dan

15% (3 orang) tidak pasti sama ada animasi mendatangkan masalah kepada mereka untuk memahami pelajaran bahasa Arab atau sebaliknya. Apabila diperhatikan, tidak ada dalam kalangan responden yang bersetuju mempunyai masalah untuk memahami pelajaran yang disampaikan dengan menggunakan bahan bantu animasi.


#### 4.3.2 Analisis animasi mengganggu tumpuan pelajar terhadap isi penting



**Rajah 4.17: Animasi mengganggu tumpuan pelajar terhadap isi penting**

Dari sudut gangguan tumpuan pelajar terhadap isi penting apabila menggunakan bahan bantu animasi, hanya 5% (1 orang) sahaja yang bersetuju. Seramai 45% (9 orang) dalam kalangan responden sangat tidak bersetuju dan 30% (6 orang) tidak bersetuju dengan item animasi mengganggu tumpuan pelajar terhadap isi penting. Manakala 20% (4 orang) daripada responden memberi jawapan tidak pasti.

### 4.3.3 Analisis masa yang diperuntukkan tidak mencukupi




**Rajah 4.18: Masa yang diperuntukkan tidak mencukupi**

Bagi analisis masa yang diperuntukkan untuk penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab mencukupi, seramai 10% (2 orang) sangat tidak bersetuju dan 30% (6 orang) tidak bersetuju dengan item masa yang diperuntukkan tidak mencukupi. Manakala 5% (1 orang) sangat bersetuju dan 10% (2 orang) bersetuju masa yang diperuntukkan tidak mencukupi. Berdasarkan rajah 4.18 di atas, hampir sebahagian daripada responden iaitu 45% (9 orang) memberi jawapan tidak pasti. Hasil kajian mendapati, peruntukan masa juga bergantung kepada isi kandungan pelajaran yang hendak disampaikan.




#### 4.3.4 Analisis tumpuan pelajar terganggu disebabkan video tidak menarik



**Rajah 4.19: Tumpuan pelajar terganggu disebabkan video tidak menarik**

Berdasarkan rajah 4.19 di atas, didapati majoriti responden tidak bersetuju dengan pernyataan tumpuan pelajar terganggu disebabkan video yang tidak menarik. Seramai 65% (13 orang) sangat tidak bersetuju dan 30% (6 orang) tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hanya 5% (1 orang) sahaja yang bersetuju tumpuannya terganggu disebabkan video yang tidak menarik.


#### 4.3.5 Analisis tumpuan pelajar terganggu disebabkan gambar tidak menarik



**Rajah 4.20: Tumpuan pelajar terganggu disebabkan gambar tidak menarik**

Manakala dari aspek gambar yang tidak menarik, seramai 55% (11 orang) sangat tidak bersetuju dan 25% (5 orang) tidak bersetuju tumpuan mereka terganggu disebabkan gambar yang tidak menarik. Manakala 10% (2 orang) bersetuju dan 5% (1 orang) sangat bersetuju tumpuan mereka terhadap pelajaran terganggu disebabkan gambar yang tidak menarik. Hanya 5% (1 orang) daripada responden memberi jawapan tidak pasti.


#### 4.3.6 Analisis tumpuan pelajar terganggu disebabkan suara tidak menarik



**Rajah 4.21: Tumpuan pelajar terganggu disebabkan suara tidak menarik**

Dalam rajah 4.21, seramai 45% (9 orang) sangat tidak bersetuju dan 30% (6 orang) tidak bersetuju suara yang digunakan dalam animasi tidak menarik dan mengganggu tumpuan mereka terhadap isi kandungan pelajaran. Manakala 10% (2 orang) memberi jawapan tidak pasti dan 15% (3 orang) lagi bersetuju suara animasi tidak menarik mengganggu tumpuan mereka terhadap pelajaran.


#### 4.3.7 Analisis tumpuan pelajar terganggu disebabkan muzik latarbelakang tidak menarik



**Rajah 4.22: Tumpuan pelajar terganggu disebabkan muzik latar belakang tidak menarik**

Berdasarkan analisis dalam rajah 4.22, hanya 5% (1 orang) sahaja yang bersetuju muzik latar belakang yang tidak menarik mengganggu tumpuan pelajar terhadap kandungan pelajaran. Manakala 15% (3 orang) memberi jawapan tidak pasti. Seramai 35% (7 orang) tidak bersetuju dan 45% (9 orang) sangat tidak bersetuju muzik latar belakang tidak menarik mengganggu tumpuan mereka terhadap pelajaran. Ini menunjukkan muzik latar belakang juga memainkan peranan penting terhadap tumpuan sesuatu pelajaran.


#### 4.3.8 Analisis penerangan guru menggunakan animasi tidak jelas



**Rajah 4.23: Penerangan guru menggunakan animasi tidak jelas**

Hasil analisis soal selidik yang diedarkan kepada responden, rajah 4.23 menunjukkan masalah penerangan guru menggunakan bahan bantu animasi terhadap pelajaran tidak jelas. Hasil kajian mendapati 60% (12 orang) daripada responden mengatakan sangat tidak bersetuju bahawa penerangan guru menggunakan animasi tidak jelas, manakala 30% (6 orang) responden lagi mengatakan tidak setuju. Hanya 10% (2 orang) daripada responden mengatakan tidak pasti.

#### 4.3.9 Analisis terdapat gangguan teknikal sepanjang penggunaan animasi



**Rajah 4.24: Masalah gangguan teknikal sepanjang penggunaan animasi**

Rajah 4.24 menunjukkan masalah gangguan teknikal yang timbul sepanjang penggunaan animasi sepanjang proses pembelajaran bahasa Arab. Didapati majoriti responden mengatakan tidak wujud masalah gangguan teknikal yang timbul iaitu 60% (12 orang) mengatakan tidak setuju dan 30% (6 orang) sangat tidak bersetuju. Manakala 10% (2 orang) responden mengatakan tidak pasti.

Selain daripada masalah yang disenaraikan, di sini pengkaji nyatakan beberapa maklum balas yang diberikan oleh responden semasa sesi pembelajaran (implementasi). Maklum balas tersebut berupa pernyataan masalah dari sudut teknikal yang dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Suara video animasi perlahan atau tidak jelas
2. Gambar yang tidak jelas
3. Papan cerita yang agak laju

#### 4. Muzik yang perlahan

Hasil temubual dengan guru-guru bahasa Arab pula menyatakan masalah utama untuk mereka menggunakan bahan bantu animasi dalam pembelajaran adalah kerana kurangnya kemahiran dan kepakaran yang amat terhad. Selain itu masalah yang biasa dihadapi adalah masalah teknikal dan makmal komputer yang tidak mencukupi juga menghalang mereka untuk menggunakan bahan bantu animasi dalam pembelajaran walaupun mereka bersetuju bahawa animasi sangat membantu pelajar untuk memahami pelajaran dengan cepat dan mengelakkan daripada perasaan bosan dalam kalangan pelajar.

Semua respon yang diterima amat berguna untuk penambahbaikan dan pemurnian kepada produk yang sedia ada. Proses implementasi ini amat penting dijalankan kerana ia dapat menghasilkan produk yang mantap.

#### **4.4 Analisis kesan penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar.**

Dalam menganalisis keberkesanan ini, pengkaji telah membuat perbandingan kesan pencapaian pelajar antara dua kaedah yang dilaksanakan dalam pembelajaran bahasa Arab iaitu kaedah tradisional dan kaedah menggunakan bahan bantu animasi. Pengkaji membuat analisis purata (min) markah sebelum dan purata (min) selepas bagi kedua-dua kumpulan tersebut iaitu;

- a. Perbandingan purata (min) markah sebelum dan selepas penggunaan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab bagi kumpulan rawatan.

- b. Perbandingan purata (min) markah sebelum dan selepas pembelajaran bahasa Arab dengan menggunakan kaedah tradisional bagi kumpulan kawalan.
- c. Perbandingan skor min markah selepas sesi pembelajaran antara kedua-dua kumpulan.

**4.4.1 Analisis perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan**

**Jadual 4.4: Perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan rawatan**

Responden	Kumpulan Rawatan	
	Ujian pra	Ujian pasca
P1	52%	72%
P2	62%	74%
P3	30%	60%
P4	40%	86%
P5	46%	62%
P6	60%	86%
P7	48%	92%
P8	66%	90%
P9	58%	90%
P10	58%	80%
P11	66%	90%
P12	48%	88%
P13	56%	80%
P14	54%	90%
P15	74%	88%
P16	30%	72%
P17	46%	78%
P18	42%	82%
P19	56%	86%
P20	28%	84%
Hasil tambah	1020	1630
Markah Min	51	81.5



Jadual 4.4 di atas menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi responden dari kumpulan rawatan yang menggunakan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Markah purata (min) peningkatan adalah 30.5 markah.

**Jadual 4.5: Ujian-t perbandingan skor min markah sebelum dan selepas penggunaan bahan bantu animasi bagi kumpulan rawatan.**

N	Ujian Pra		Ujian Pasca		Beza Min	Nilai t	Nilai Signifikan
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai			
20	51.00	12.607	81.50	9.310	-30.500	-11.717	.000

Aras signifikan  $p < .001$

Jadual 4.5 menunjukkan hasil analisis ujian-t bagi perbandingan purata (min) markah ujian sebelum dan selepas penggunaan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab bagi kumpulan rawatan. Hasil daripada analisis menunjukkan bahawa skor min dan sisihan piawai dalam pra ujian bahasa Arab adalah 51.00 dan 12.607 manakala skor min dan sisihan piawai selepas penggunaan animasi adalah 81.50 dan 9.310. Perbezaan skor min antara ujian tersebut ialah -30.500. Keputusan kajian adalah signifikan ( $t = -11.717$ ,  $p < .001$ ) Ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan bagi pencapaian pelajar apabila dilaksanakan kaedah pembelajaran menggunakan perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar bagi kumpulan rawatan.

**4.4.2 Analisis perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan**

**Jadual 4.6: Perbandingan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan kawalan**

Responden	Kumpulan Kawalan	
	Ujian pra	Ujian pasca
P1	40%	70%
P2	66%	80%
P3	42%	70%
P4	54%	82%
P5	58%	82%
P6	66%	86%
P7	52%	70%
P8	54%	90%
P9	50%	82%
P10	56%	86%
P11	44%	76%
P12	58%	76%
P13	54%	54%
P14	50%	84%
P15	70%	96%
P16	40%	76%
P17	46%	74%
P18	44%	60%
P19	56%	68%
P20	74%	92%
Hasil tambah	1074	1554
Markah Min	53.7	77.7

Jadual 4.6 di atas menunjukkan keputusan ujian pra dan ujian pasca bagi responden dari kumpulan kawalan yang tidak menggunakan bahan bantu animasi dalam pembelajaran bahasa Arab. Markah purata (min) peningkatan adalah 24 markah.

**Jadual 4.7: Ujian-t perbandingan skor min markah sebelum dan selepas pembelajaran menggunakan kaedah tradisional bagi kumpulan kawalan.**

N	Ujian Pra		Ujian Pasca		Beza Min	Nilai t	Nilai Signifikan
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai			
20	53.70	9.782	77.70	10.509	-24.000	-11.525	.000

Jadual 4.7 menunjukkan hasil analisis ujian-t perbandingan skor min sebelum dan selepas proses pembelajaran menggunakan kaedah tradisional bagi kumpulan kawalan. Hasil daripada analisis menunjukkan skor min dan sisihan piawai sebelum pembelajaran ialah 53.70 dan 9.782 manakala skor min dan sisihan piawai selepas sesi pembelajaran menggunakan kaedah tradisional ialah 77.70 dan 10.509. Ini menunjukkan ada peningkatan dari segi pencapaian dengan perbezaan skor minnya -24.000.

Berdasarkan daripada analisis dalam jadual 4.5 dan jadual 4.7 di atas dapatlah disimpulkan bahawa pelajar dari kedua-dua kumpulan memperlihatkan peningkatan dalam pencapaian dalam ujian bahasa Arab. Namun begitu, pelajar daripada kumpulan rawatan yang menerima kaedah pembelajaran berbantuan perisian animasi memperlihatkan kadar kemajuan yang lebih baik jika dibandingkan dengan pelajar kumpulan kawalan yang menjalani pembelajaran kaedah tradisional. Walau bagaimanapun analisis perbandingan pencapaian skor min selepas sesi pembelajaran antara kedua-dua kumpulan ditunjukkan dalam jadual 4.8 dan 4.9.

**4.4.3 Analisis perbandingan keputusan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan**

**Jadual 4.8: Perbandingan keputusan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan**

Responden	Kumpulan Kawalan		Kumpulan Rawatan	
	Ujian pra	Ujian pasca	Ujian pra	Ujian pasca
P1	40%	70%	52%	72%
P2	66%	80%	62%	74%
P3	42%	70%	30%	60%
P4	54%	82%	40%	86%
P5	58%	82%	46%	62%
P6	66%	86%	60%	86%
P7	52%	70%	48%	92%
P8	54%	90%	66%	90%
P9	50%	82%	58%	90%
P10	56%	86%	58%	80%
P11	44%	76%	66%	90%
P12	58%	76%	48%	88%
P13	54%	54%	56%	80%
P14	50%	84%	54%	90%
P15	70%	96%	74%	88%
P16	40%	76%	30%	72%
P17	46%	74%	46%	78%
P18	44%	60%	42%	82%
P19	56%	68%	56%	86%
P20	74%	92%	28%	84%
Hasil tambah	1074	1554	1020	1630
Markah Min	53.7	77.7	51	81.5

**Jadual 4.9: Ujian-t perbandingan skor min markah (ujian pasca) selepas sesi pembelajaran antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan**

N	Kumpulan Rawatan		Kumpulan Kawalan		Beza Min	Nilai t	Nilai Signifikan
	Min	Sisihan Piawai	Min	Sisihan Piawai			
20	81.50	9.310	77.70	10.509	3.800	1.382	.183


Jadual 4.8 dan 4.9 menunjukkan perbezaan ujian pasca antara kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan. Keputusan statistik ujian-t menunjukkan perbezaan yang tidak signifikan ( $t=1.382$ ,  $p > .05$ ). Pengkaji gagal menolak hipotesis nul. Keputusan ujian menunjukkan bahawa bahan bantu animasi tidak mempengaruhi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Perbezaan nilai skor min bagi kedua-dua kumpulan pelajar seperti jadual 4.9 di atas tidak cukup besar untuk menolak hipotesis nul. Namun begitu, hasil analisis soal selidik yang diberikan kepada responden berkenaan kesan animasi mendapati penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab memberi kesan yang positif seperti yang tertera di jadual 4.10.

**Jadual 4.10: Kesan penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar.**

Bil	Pernyataan	Skala					Min	Persepsi
		1	2	3	4	5		
1.	Penggunaan buku menarik minat pelajar	25% (5)	20% (4)	25% (5)	20% (4)	10% (2)	2.7	Negatif
2.	Suka p&p bahasa Arab menggunakan animasi	-	-	-	35% (7)	65% (13)	4.65	Positif
3.	Animasi bersesuaian dengan bahan pembelajaran	-	-	15% (3)	50% (10)	35% (7)	4.2	Positif
4.	Animasi meningkatkan minat terhadap subjek bahasa arab	-	-	15% (3)	35% (7)	50% (10)	4.35	Positif
5.	Pembelajaran menggunakan bahan bantu animasi menarik	-	-	5% (1)	40% (8)	55% (11)	4.6	Positif
6.	Suka animasi kerana gambar yang menarik	-	-	15% (3)	40% (8)	45% (9)	4.3	Positif
7.	Suka animasi kerana video yang menarik	-	-	10% (2)	45% (9)	45% (9)	4.35	Positif
8.	Suka animasi kerana lagu yang sesuai	-	-	25% (5)	40% (8)	35% (7)	4.1	Positif
9.	Animasi menguntungkan masa pelajar	-	-	-	10% (2)	90% (18)	4.9	Positif
10.	Animasi memberi faedah kepada pelajar	-	-	-	20% (4)	80% (16)	4.8	Positif

Berdasarkan data-data yang diperolehi daripada jadual 4.10 di atas, responden memberikan jawapan berdasarkan skala 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (tidak pasti), 4 (setuju) dan 5 (sangat setuju). Jadual 4.6 menunjukkan keputusan analisis dari borang soal selidik yang diedarkan kepada responden tentang kesan penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab kepada pelajar. Sebanyak 10 kesan telah diutarakan kepada responden. Pengkaji akan menganalisis kesan tersebut satu persatu dan dipersembahkan dalam bentuk carta pai dan graf.

#### 4.4.4 Analisis penggunaan animasi dalam p & p memberikan hasil yang lebih baik




**Rajah 4.25: Animasi dalam p&p memberikan hasil yang lebih baik**

Rajah 4.25 menunjukkan kebanyakan pelajar sangat bersetuju penggunaan animasi dalam P&P memberikan hasil yang lebih baik kepada pelajar iaitu sebanyak 50% (10 orang) responden. Manakala 40% (8 orang) responden

bersetuju dengan pernyataan tersebut dan 10% (2 orang) responden memberikan jawapan tidak pasti.

#### 4.4.5 Analisis penggunaan animasi membantu pelajar meningkatkan kemahiran




**Rajah 4.26: Penggunaan animasi membantu pelajar meningkatkan kemahiran**

Dalam rajah 4.26, didapati majoriti pelajar bersetuju animasi membantu mereka meningkatkan kemahiran iaitu sebanyak 45% (9 orang), kemudian 40% (8 orang) antara mereka sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut dan hanya 15% (3 orang) responden sahaja yang tidak pasti dengan jawapan mereka.




#### 4.4.6 Analisis animasi membantu pelajar mengingat apa yang diajar



**Rajah 4.27: Animasi membantu pelajar mengingat apa yang diajar**

Rajah 4.27 di atas menunjukkan keberkesanan penggunaan animasi dari sudut ingatan. Hasil analisis menunjukkan majoriti responden bersetuju bahawa animasi membantu pelajar mengingat apa yang diajar iaitu seramai 45% (9 orang) bersetuju dan 45% (9 orang) sangat setuju. Baki selebihnya sebanyak 10% (2 orang) lagi telah memberi jawapan tidak pasti.


#### 4.4.7 Analisis animasi membantu pelajar memahami pengajaran dengan cepat



**Rajah 4.28: Animasi membantu pelajar memahami pengajaran dengan cepat**

Manakala rajah 4.28 menunjukkan animasi dapat membantu pelajar memahami pengajaran dengan cepat. Hasil analisis menunjukkan kebanyakan responden bersetuju animasi membantu pelajar memahami pengajaran dengan cepat iaitu sebanyak 50% (10 orang), diikuti sangat setuju iaitu 35% (7 orang). Namun begitu 15% (3 orang) daripada responden menyatakan tidak pasti.


#### 4.4.8 Analisis animasi membantu pelajar lebih memberi perhatian semasa belajar



**Rajah 4.29: Animasi membantu pelajar lebih memberi perhatian semasa belajar**

Dari aspek memberi perhatian, hasil analisis seperti dalam rajah 4.29 menunjukkan 55% (11 orang) dalam kalangan responden sangat bersetuju bahawa animasi membantu mereka lebih memberi perhatian semasa belajar dan 35% (7 orang) menyatakan setuju. Manakala 10% (2 orang) menyatakan tidak pasti.


#### 4.4.9 Analisis animasi mendatangkan keseronokan kepada pelajar untuk belajar



**Rajah 4.30: Animasi mendatangkan keseronokan kepada pelajar untuk belajar**

Hasil daripada soal selidik yang diberikan kepada responden, rajah 4.30 menunjukkan 55% (11 orang) dalam kalangan responden sangat bersetuju animasi mendatangkan keseronokan kepada pelajar untuk belajar. Manakala 40% (8 orang) menyatakan setuju dan hanya 5% (1 orang) sahaja yang tidak pasti.


#### 4.4.10 Analisis animasi menjadikan pelajar lebih bersemangat mengikuti pembelajaran



**Rajah 4.31: Animasi menjadikan pelajar lebih bersemangat mengikuti pembelajaran**

Dalam rajah 4.31, didapati 55% (11 orang) responden yakin animasi dapat menjadikan pelajar lebih bersemangat untuk mengikuti pembelajaran bahasa Arab dan seramai 7 orang (35%) sangat yakin akan hal itu. Namun begitu, 10% (2 orang) daripada responden menyatakan tidak pasti.


#### 4.4.11 Analisis animasi dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria



**Rajah 4.32: Animasi dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria**

Berdasarkan rajah 4.32 di atas, didapati kesemua responden bersetuju bahawa animasi dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria kecuali 5% (1 orang) sahaja yang menyatakan tidak pasti. Seramai 65% (13 orang) bersetuju dan 30% (6 orang) sangat bersetuju dengan item ini.


#### 4.4.12 Analisis animasi membantu pelajar mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian



**Rajah 4.33: Animasi membantu pelajar mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian**

Dari sudut praktis pula, rajah 4.33 menunjukkan hasil analisis soal selidik responden berkenaan animasi membantu mereka mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian. Seramai 40% (8 orang) menyatakan sangat bersetuju dan 35% (7 orang) menyatakan bersetuju. Ini mungkin disebabkan mereka mendapat gambaran yang jelas ketika mana mereka boleh mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan mereka. Mereka boleh meniru gaya yang dipersembahkan dalam perisian animasi. Sementara itu 25% (5 orang) daripada responden memberi jawapan tidak pasti dengan pernyataan ini.

#### 4.4.13 Analisis animasi menjadikan pengajaran guru teratur dan terancang



**Rajah 4.34: Animasi menjadikan pengajaran guru teratur dan terancang**

Rajah 4.34 menunjukkan kesan penggunaan animasi dalam pembelajaran terhadap pengajaran guru. Seramai 55% (11 orang) bersetuju bahawa animasi menjadikan pengajaran guru lebih teratur dan terancang dan 35% (7 orang) sangat bersetuju akan hal ini. Sementara itu 10% (2 orang) menyatakan tidak pasti.

Kesimpulannya, hasil daripada analisis soal selidik yang dibuat, didapati penggunaan animasi dalam pembelajaran bahasa Arab memberi kesan yang positif kepada pelajar. Di samping itu, hasil daripada data temu bual yang diadakan dengan beberapa orang responden juga menyokong tentang keberkesanan penggunaan animasi sebagai bahan bantu mengajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Apabila ditanyakan kepada kesemua responden ini tentang perkara tersebut, majoriti mengatakan animasi membantu pelajar lebih memberi perhatian semasa belajar, mendatangkan keseronokan kepada pelajar



dan membantu pelajar mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian.

#### **4.5 Penutup**

Hasil kajian ini mendapati bahawa implementasi perisian animasi sebagai bahan bantu mengajar dapat memberi kesan yang positif dalam pembelajaran bahasa Arab. Kesan ini dapat dikenal pasti melalui soal selidik dan temu bual dengan pelajar. Responden telah memberi respon yang positif terhadap penggunaan animasi. Mereka begitu tertarik dengan ciri-ciri perisian animasi dari segi gambar, video, lagu dan muzik yang menarik. Walaupun tidak dapat dinafikan, terdapat beberapa masalah yang telah dikenal pasti dalam implementasi perisian animasi tersebut, namun ia sebenarnya tidak memberi kesan yang besar malah masalah-masalah ini dapat diatasi dengan baik.